

---

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Akhir  
Sidang Akademik 2015/2016

Mei/Jun 2016

**JKP 317 – Ideologi Dunia Ketiga**

Masa : 3 jam

---

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi **DUA** muka surat yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan.

Jawab **TIGA** soalan sahaja.

Baca arahan dengan teliti sebelum anda menjawab soalan.

Setiap soalan diperuntukkan 100 markah.

1. Bincangkan prinsip-prinsip berikut yang mendasari ideologi demokrasi:
  - i. Kawalan popular ke atas pembuat dasar;
  - ii. Kesamarataan politik;
  - iii. Kebebasan politik;
  - iv. Keputusan majoriti diterima pakai sekiranya tiada persetujuan sebulat suara.

(100 markah)
  
2. Bincangkan bagaimana Pancasila sebagai ideologi nasional Indonesia telah diintegrasikan ke dalam ideologi Nasakom (Nasionalisme, Agama, Komunisme) yang dikemukakan oleh Sukarno untuk memperkukuh rejim Orde Lama di Indonesia.

(100 markah)
  
3. Merujuk satu contoh negara Dunia Ketiga yang dibincangkan dalam modul, tunjukkan bagaimana transformasi daripada pemerintahan autoritarian kepada pemerintahan demokratik dapat dijalankan melalui proses pendemokrasian dalam bidang politik dan ekonomi.

(100 markah)
  
4. Bincangkan impak-impak pembentukan dan kebangkitan *Bharatiya Janata Party* (BJP) ke atas politik komunal di India.

(100 markah)
  
5. Bincangkan “Sosialisme dengan ciri-ciri China” (*Socialism with Chinese characteristics*). Bagaimanakah ideologi ini digunakan untuk menjustifikasi pembaruan-pembaruan ekonomi dan politik dalam era pasca-Mao Zedong di China?

(100 markah)